

U B293 AAB
MAHATHIR - DAP

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN LANGKAH ENCIK LIM KIT SIANG MELETAK JAWATANNYA SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG DAP SEBAGAI +MENEPATI JANJI UNTUK PERTAMA KALINYA+.

+BAGUSLAH DIA MENEPATI JANJINYA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADAP SULTAN SELANGOR DI ISTANA SELANGOR DI SINI.

ENCIK LIM, YANG MENEWASKAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR LIM CHONG EU DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PADANG KOTA DAN JUGA MENGEKALKAN KERUSI PARLIMEN TANJUNG, KEDUA-DUANYA DI PULAU PINANG PADA PILIHAN RAYA UMUM AHAD LEPAS, MENGUMUMKAN PERLETAKAN JAWATAN ITU DI NEGERI ITU HARI INI.

SEHASA MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA ITU, ENCIK LIM BERKATA BELIAU BERTINDAK DEMIKIAN SEBAGAI MENEPATI JANJI YANG DIBUATNYA SEMASA BERKEMPEN PADA PILIHAN RAYA ITU BAHAWA BELIAU AKAN MELETAKKAN JAWATAN JIKA RANCANGAN DAP, YANG DISEBUT SEBAGAI +TANJUNG 2+ UNTUK MENAMAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, GAGAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR ENGGAN MENGULAS LANJUT MENGENAI PERTEHUANNYA DENGAN SULTAN SELANGOR, SEKADAR MENYEBUT IANYA MENGENAI (PENUBUHAN) KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

BELIAU JUGA BERKATA PENGUMUMAN MENGENAI PERLANTIKAN KETUA MENTERI PULAU PINANG YANG BARU AKAN DIBUAT TIDAK LAMA LAGI. --
BERNAMA

1943MST 24 10 90